JANGAN KENA SCAM!

JENIS-JENIS ADUAN POPULAR YANG DITERIMA OLEH PUSAT KHIDMAT ADUAN PENGGUNA (NCCC) DI MALAYSIA

SUMBER: PUSAT KHIDMAT ADUAN PENGGUNA NASIONAL (NCCC)

1 PENIPUAN PELABURAN MLM

SKIM PIRAMID dan pemasaran pelbagai peringkat (MLM) yang menjanjikan pulangan lumayan



PENGGUNA BOLEH:

membuat semakan di Bank Negara Malaysia (BNM) dan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) untuk mengetahui status perniagaan syarikat yang dinyatakan benar atau sebaliknya

2 PEMBELIAN ATAS TALIAN

PRODUK tidak diterima selepas pembayaran dibuat. Pengguna cuba untuk mencari penjual, pentadbir laman sesawang menyekat pengadu. Oleh sebab itu mereka tidak dapat dihubungi. Syarikat berjanji untuk membayar balik wang mereka tetapi akhirnya tiada siapa yang menghubungi pengadu untuk beberapa bulan.

PENGGUNA BOLEH:

1. Membuat semakan kesahihan di SSM.
2. Pastikan laman sesawang mempunyai maklumat lengkap syarikat.
3. Membaca "review" atau menyemak rekod pembeli terdahulu.

3 PENIPUAN MELALUI SMS

Sindiket penipuan yang memperdaya mangsa menggunakan taktik seperti berikut:

1. Mangsa menerima sms mengenai kemenangan dalam peraduan tajaan syarikat tertentu.
2. Sindiket mengarahkan mangsa untuk menghubungi mereka.
3. Apabila dihubungi, mangsa diarahkan supaya pergi ke ATM untuk proses penerimaan wang hadiah.
4. Mangsa teruja dan mengikut segala arahan suspek tanpa membuat semakan dari syarikat penaja terlebih dahulu.
5. Wang hadiah yang dijanjikan tidak diperolehi dan baki wang akaun mangsa berkurangan. Suspek tersebut gagal dihubungi oleh mana-mana pihak daripada nombor yang diberikan.

PENGGUNA BOLEH:

Dapatkan pengesahan terlebih dahulu daripada syarikat berkenaan sekiranya benar terdapat penganjuran sesebuah peraduan yang dikendalikan oleh pihak mereka. Laporkan kepada Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia sekiranya anda sangsi.



4 GORES DAN MENANG

JANGAN MUDAH TERPEDAYA DENGAN HADIAH YANG DITAWARKAN. SINDIKET PENIPUAN YANG MEMPERDAYA MANGSA MENGGUNAKAN TAKTIK SEPERTI BERIKUT:

1. Mangsa diminta menggores kad.
2. Sindiket meminta mangsa datang ke pejabat syarikat untuk proses seterusnya.
3. Untuk menyakinkan mangsa, biasanya sindiket akan menunjukkan bukti seperti keratan akhbar.
4. Mangsa diminta menyerahkan sejumlah wang atau akaun bank bagi menuntut hadiah yang dimenangi.
5. Mangsa hanya menyedari ditipu selepas mendapati barangan yang diberikan tidak berkualiti dan tidak sepadan dengan jumlah wang yang diserahkan.

**Syarikat ini biasanya tidak berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia atau mempunyai lesen di bawah Akta Jualan Langsung.

PENGGUNA BOLEH:

Jika anda sangat sangsi dengan sesuatu syarikat, dan anda merasakan mereka diterlibat di dalam aktiviti penipuan anda boleh melaporkan kepada pihak berkuasa